

Penularan COVID-19

Remaja 15 tahun, warga emas korban baharu

Selangor kekal catat jumlah kes harian tertinggi 9 hari berturut-turut

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 kekal empat angka, iaitu 1,581 kes semalam dengan Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi, sembilan hari berturut-turut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 100,318 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, katanya, ada dua kes import

yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu sebanyak 491 kes (31.1 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 375 kes (76.4 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Kuala Lumpur sebanyak 379 kes (24.0 peratus) dan Sabah sebanyak 249 kes (15.7 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, mengenai dua kes kematian baharu semalam, ia dilaporkan di Sandakan dan Lahad Datu.

Pertambahan dua kes kematian itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian disebabkan oleh COVID-19 di negara ini sebanyak 446 kes atau 0.45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-445, membabitkan remaja perempuan beru-

sia 15 tahun dan jenazahnya dibawa ke Hospital Lahad Datu.

"Kematian seterusnya dilaporkan membabitkan lelaki berusia 61 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia dan strok. Jenazahnya dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan," katanya.

Bagi pertambahan kluster baharu, Dr Noor Hisham berkata, ada dua kluster masing-masing dilaporkan di Selangor dan Kuala Lumpur.

 **Pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini 100,318 kes.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**

"Kluster pertama dikenali sebagai Kluster Kebun Baru di Kuala Langat yang dikesan melalui saringan bersasar di sebuah kilang dan kini menjangkiti 95 individu.

"Kluster kedua dikenali sebagai Kluster Sungai Burong di daerah Kuala Selangor dan sudah menjangkiti 28 kes positif.

"Kluster seterusnya dikenali sebagai Kluster Tapak Bina Jalan Tun membabitkan daerah Lembah Pantai hasil saringan bersasar di tapak pembinaan dan sudah menjangkiti 26 individu," katanya.

Bagi kluster keempat, Dr Noor Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Jalan Pandan yang dikesan di daerah Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Titiwangsa, Gombak, Petaling, Kuala Selangor dan Hulu Langat.

"Kes indeks dalam kluster ini dikesan hasil saringan individu bergejala dan sudah menjangkiti 30 individu," katanya.